

Akta Hak Cipta terpakai di internet

Perkembangan
IR4.0 bukan
alasan
kandungan, data
boleh diterbit

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur: Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) bukan hanya berkisar mengenai kemunculan kecerdasan buatan (AI) yang akan 'memudahkan' kehidupan manusia, tetapi ia mampu membuatkan ramai orang hilang moral dan etika misalnya dari sudut perkongsian data atau kandungan yang dibuat tanpa kebenaran.

Jika hal ini terjadi, pengkarya seni sama ada penulis, pemuzik malah pelukis akan kehilangan pendapatan apabila hak mereka berdasarkan Akta Undang-Undang Hak Cipta dilanggar.

Persoalan itu dibincangkan dalam Seminar Undang-Undang Hak Cipta dalam IR4.0 yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini yang menampilkan Pengarah Hak Cipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Rashidah Ridha Sheikh Khalid dan Pensyarah Undang-Undang Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Prof Madya Rohazar Wati Zualcobley.

Rashidah Ridha berkata, pelanggaran hak cipta itu boleh terjadi disebabkan perkembangan IR4.0 ditunjangi internet yang mudah dicapai oleh semua lapisan masyarakat.

Internet katanya menyediakan platform luas kepada semua jenis bahan sama ada kandungan kreatif atau akademik diakses dengan lebih mudah. Namun, wa-

laupun mungkin ruangnya berubah daripada fizikal kepada digital, setiap pelanggaran akta hak cipta tetap tertakluk kepada undang-undang.

"IR4.0 adalah mengenai kandungan dan data, ia mudah diakses serta disebar luas dengan apa juga bentuk medium yang selari perkembangan teknologi.

"Bagaimanapun, mudah untuk diakses tidak bermaksud ia boleh dan percuma untuk diterbitkan semula dalam apa juga bentuk kerana itu adalah menyalahi undang-undang hak cipta," katanya.

Rashidah Ridha berkata, IR4.0 secara umumnya berpusat kepada teknologi dan perkembangan AI, tetapi penerbitan semula tanpa kebenaran dalam apa bentuk tetap dianggap sebagai kesalahan.

Antara kes kerap berlaku ketika ini apabila kandungan buku fizikal dimuat naik ke laman sosial atau dijual semula tanpa kebenaran. Selain itu, berlaku pautan kepada jurnal akademik yang dibuat atas nama rujukan, tetapi sebenarnya boleh dipersoalkan dari sudut undang-undang.

"Misalnya ada orang yang membuat *deep linking* atau pautan pada jurnal lain dengan tujuan rujukan, tetapi disebar-

kan kepada masyarakat awam.

"Jika pautan itu diakses dan menyebabkan kerugian kepada penulisnya dalam bentuk royalti adakah mungkin tindakan itu termasuk dalam kriteria Akta Hak Cipta Seksyen 13(11)(aa), iaitu akses kepada jurnal atau buku yang menyebabkan penulisnya tidak mendapat bayaran royalti?" katanya.

Rashidah Ridha berkata, di Korea Selatan *deep linking* ini tidak termasuk dalam skop penyalinan atau transmisi bagi karya hak cipta dan hal yang sama juga berlaku di Jepun. Bagaimanapun di United Kingdom, hal itu dianggap kesalahan melanggar akta hak cipta.


"Di negara ini, belum ada lagi kes sebegini dibawa ke mahkamah," katanya.

Tegasnya, kawalan hak cipta menjadi lebih sukar apabila dimuat naik ke internet sehinggakan ia mencabar undang-undang.

"Pelanggaran undang-undang berlaku pantas kerana sifat IR4.0 itu sendiri bercirikan kepantasan. Justeru, ia mendatangkan cabaran kepada undang-undang sedia ada," katanya.

Tegas Rashidah Ridha, penambahbaikan undang undang hak cipta seharusnya memfokus kepada kepantasan penguatkuasaan undang-undang hak cipta; kekerapan pelanggaran hak cipta yang termasuk memuat naik fail yang disalin secara haram dalam talian untuk perkongsian awam, akaun SNS (*social networking service*), *torrents* (*strim* yang laju).

Selain itu, ia harus juga merangkumi persoalan menyalin perisian berbayar secara haram untuk komersial; mengedarkan karya hak cipta yang terdapat di alam siber tanpa lesen atau kebenaran empunya hak cipta dengan niat untuk mengaut keuntungan hasil daripada karya orang lain.

 **Perlanggaran hak cipta itu boleh terjadi disebabkan perkembangan IR4.0 ditunjangi internet yang mudah dicapai masyarakat.**

Rashidah Ridha Sheikh Khalid,
Pengarah Hak Cipta MyIPO



Rohazar Wati (tengah) dan Rashidah (kiri) pada Seminar Hak Cipta Undang-Undang Hak Cipta Dalam IR4.0
di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

